Buku Panduan

Ekosistem Kondusif Sektor Awam

Majlis Perbandaran Selayang

Diterbitkan oleh Jawatankuasa Promosi EKSA MPS © 2025

Bahagian 1

Pengenalan

Bahagian ini menerangkan informasi am serta objektif perlaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) oleh MAMPU

Latar Belakang EKSA

EKSA ialah singkatan kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Ia diterajui oleh pihak MAMPU (Unit Permodalan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia), dan merupakan penjenamaan semula bagi Pelaksanaan Amalan 5S Sektor Awam (2010). EKSA bertujuan meningkatkan budaya kecemerlangan organisasi agar lebih berimej korporat dalam melahirkan idea dan aktiviti yang kreatif dan inovatif.

EKSA di Majlis Perbandaran Selayang telah dilancarkan pada 24 Oktober 2016 oleh mantan Yang Dipertua MPS. MPS mula mendapat pensijilan kali pertama pada tahun 2019 dengan tempoh pensijilan Mei 2019 hingga April 2022 dengan penarafan pensijilan BAIK. Seterusnya MPS meneruskan kegemilangan dalam pelaksanaan EKSA dengan meneruskan pensijilan kali kedua pada bagi tempoh Mei 2022 hingga April 2024 dengan penarafan “CEMERLANG”.

Pengauditan yang diadakan pada tahun 2024 bagi pensijian EKSA kali ke 3, MPS bermatlamat dapat mengekalkan penarafan “CEMERLANG” sebagai bukti komitmen terhadap persekitaran kerja yang berkualiti, sistematik dan produktif.

TUJUAN PELAKSANAAN EKSA

- Pelaksanaan EKSA mempunyai matlamat yang sama untuk mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti, sistematik dan praktikal.
- Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang berkesan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja.
- EKSA berupaya memperkukuhkan Sistem Pengurusan Kualiti berasaskan Standard MS ISO 9001, dalam memenuhi keperluan klausa Pengurusan Sumber berkaitan Persekitaran Kerja.
- EKSA yang cekap, berkesan dan konsisten akan memberi nilai tambah kepada imej korporat jabatan.

Dalam usaha pembudayaan dan pengekalan persekitaran berkualiti dan kondusif aktiviti seperti Sisih, Susun, Sapu, seragam dan sentiasa amal dengan pelaksanaan gotong-royong secara berkala perlu sentiasa dilaksanakan.

1 SISIH
Mengasing/ membuang barang-barang yang tidak diperlukan

2 SUSUN
Menyusun barang-barang yang diperlukan dengan teratur supaya mudah diambil

3 SAPU
Menyapu/ membersih ruang pejabat/ bilik dan peralatan kerja.

4 SERAGAM
Menyeragamkan susunan fail/ meja/ peralatan pejabat

5 SENTIASA AMAL
Mengamalkan aktiviti sisih, susun, sapu dan seragam secara istiqamah

OBJEKTIF EKSA

1. Meningkatkan imej korporat dengan mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan berkualiti.

2. Membina dan memupuk semangat kerjasama melalui penyertaan semua dalam organisasi.

3. Mewujudkan suasana kerja yang ceria, efektif dan inovatif.

FAEDAH PELAKSANAAN EKSA

01 Mewujudkan persekitaran tempat kerja berkualiti dan menjana idea kreatif di kalangan warga agensi.

02 Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi.

03 Mengenalpasti, mengurangkan dan menghapuskan pembaziran.

04 Meningkatkan imej agensi sektor awam dan penyampaian mutu perkhidmatan.

05 Meningkatkan semangat **esprit de corp* dan displin warga Jabatan.

*****Esprit de Corps*** *berasal dari perkataan Perancis yang membawa maksud semangat bekerjasama, semangat kekitaan ataupun semangat berpasukan*

DASAR EKSA

Majlis Perbandaran Selayang
DASAR EKSA
Warga kerja Majlis Perbandaran Selayang komited mengamalkan kerja secara berpasukan dan menerima pakai amalan EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam) bagi mewujudkan persekitaran kerja yang bersih, kemas, teratur dan selamat.
Saya bersetuju amalan EKSA ini diaplikasikan oleh warga kerja Majlis Perbandaran Selayang.
SHAHMAN BIN JALALUDIN
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang
04/06/2024

IKRAR EKSA

Kami, warga Majlis Perbandaran Selayang berikrar untuk mengamalkan standard pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam, iaitu EKSA secara konsisten selaras dengan slogan "**EKSA Amalan Kami**" demi mewujudkan budaya bekerja yang berkualiti, berinovatif, dinamik dan berdaya saing.

VISI, MISI DAN SLOGAN EKSA

VISI

Mewujudkan **persekitaran kerja** yang **kondusif** sepanjang masa.

MISI

Melestarikan amalan **EKSA** kepada semua warga MPS.

SLOGAN

EKSA Amalan Kami.

LOGO EKSA MPS

PENERANGAN ELEMEN LOGO EKSA MPS

Membawa maksud kerjasama dan sinergi barisan pengurusan jabatan serta kakitangan MPS dalam menjayakan program EKSA di MPS.

Melambangkan kebersamaan MPS dan komuniti serta memupuk usaha ke arah amalan *Go-Green*.

Membawa maksud pelaksanaan EKSA dilakukan di MPS.

PENERANGAN WARNA LOGO EKSA MPS

Membawa maksud kekuatan & keberanian warga MPS.

Membawa maksud alam semulajadi dan usaha warga MPS melaksanakan inisiatif Go-Green.

Melambangkan sifat kegembiraan, penuh semangat warga MPS melaksanakan EKSA.

Membawa maksud semangat kerjasama warga MPS.

CARTA ORGANISASI, FUNGSI DAN PERANAN

PERANAN JAWATANKUASA INDUK EKSA

- Menentukan hala tuju dalam pelaksanaan EKSA.
- Membentuk pelan pelaksanaan.
- Menentukan belanjawan dan mengenal pasti sumber-sumber kewangan.
- Menetapkan dasar, peraturan dan garis panduan.
- Mengenal pasti ahli jawatankuasa, pemudah cara antara ketua zon.
- Menetapkan sistem penghargaan dan anugerah.
- Mengawas dan menilai kemajuan pelaksanaan (dengan bantuan JK Audit).
- Memberi galakan untuk penyertaan dalam aktiviti EKSA (dengan bantuan JK Promosi).
- Melatih dan membimbing pekerja ke arah pembentukan amalan-amalan EKSA (dengan bantuan JK Latihan).



PERANAN JAWATANKUASA LATIHAN EKSA

- Mengenal pasti dan merancang program latihan dan kesedaran kepada warga MPS.
- Menyediakan pelan latihan bagi memupuk kefahaman konsep dan amalan EKSA kepada semua warga kerja MPS.
- Mengenal pasti jenis latihan yang diperlukan dari semasa ke semasa bagi mengukuhkan aktiviti amalan EKSA serta amalan peningkatan kualiti yang lain.(Keperluan latihan yang diperlukan boleh dirujuk kepada hasil keputusan audit aktiviti amalan EKSA).
- Menyelaraskan dan memastikan setiap warga kerja diberi peluang untuk menghadiri latihan.
- Melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan tahap kesedaran EKSA dalam kalangan warga kerja kepada Jawatankuasa Induk EKSA.



PERANAN JAWATANKUASA PROMOSI EKSA

- Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti promosi amalan EKSA.
- Memastikan pelaksanaan pelan promosi ke arah membina kesedaran amalan EKSA kepada semua warga kerja dalam organisasi.
- Merancang dan memperuntukkan perbelanjaan bagi memastikan aktiviti promosi dapat dilaksanakan seperti yang dirancang.
- Merancang dan menganjurkan pertandingan EKSA (kebersihan, poster, sepanduk, gegantung dan lain-lain).
- Melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan tahap kesedaran EKSA dalam kalangan warga kerja kepada Jawatankuasa Induk EKSA.
- Menyediakan template yang seragam bagi pelan lokasi, pelan lampu dan pelekat label seperti untuk PIC, nama bilik dan lain-lain bagi tujuan penyelarasan dan penyeragam di setiap zon.



PERANAN JAWATANKUASA AUDIT EKSA

- Menyediakan kriteria senarai semak proses audit dan garis panduan pelaksanaan audit.
- Melantik juruaudit dalam EKSA.
- Merancang dan menentukan kekerapan aktiviti audit dalam EKSA.
- Mencadangkan penambahbaikan terhadap kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti semasa proses audit.
- Melakukan pemeriksaan dan tindakan susulan jika perlu.
- Menyediakan laporan keseluruhan audit kepada Jawatankuasa Induk EKSA.
- Menyemak kriteria audit dari semasa ke semasa mengikut keperluan.
- Memastikan aktiviti EKSA dilaksanakan secara sistematik dan berterusan.
- Melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan tahap kesedaran EKSA dalam kalangan warga kerja kepada Jawatankuasa Induk EKSA.



PERANAN JAWATANKUASA KESELAMATAN PERSEKITARAN EKSA

- Memastikan kaedah-kaedah keselamatan persekitaran kerja dalam keadaan selamat.
- Melaksanakan program keselamatan persekitaran di peringkat jabatan seperti latihan kebakaran.
- Membudayakan amalan keselamatan persekitaran di tempat kerja.
- Memastikan papan tanda keselamatan persekitaran sentiasa dikemaskini.
- Melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan tahap kesedaran EKSA dalam kalangan warga kerja kepada Jawatankuasa Induk EKSA.
- Memastikan kriteria di Komponen D dalam pengauditan EKSA dipatuhi seperti di Borang Pemeriksaan / Lawatan Tempat Kerja Selamat seperti di **Lampiran A**.

Lampiran A

a. Menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan (Kriteria D1)
b. Memantau pendawaian / kabel di setiap zon (Kriteria D2)
c. Memantau peralatan pencegahan kebakaran di setiap zon (Kriteria D3)
d. Memantau laluan / tangga kecemasan di setiap zon (Kriteria D4)
e. Memeriksa dan memastikan kunci di setiap zon disimpan dengan selamat (Kriteria D5)



PERANAN EKSA

Peranan Ketua Zon EKSA

PERANAN KETUA
ZON

1. Mengadakan mesyuarat secara berkala dengan ahli-ahli kumpulan
2. Membantu memberikan panduan dan tunjuk ajar
3. Merancang aktiviti kumpulan
4. Menggalakkan penglibatan semua ahli dalam pelaksanaan EKSA
5. Memberi sumbang saran kepada Ketua Zon

Peranan Penyelaras (PIC) Zon

PERANAN PENYELARAS
PIC

1. Menjalankan tugas kesetiausahaan kepada ketua zon dan AJK Kecil zon dengan tujuan mengkoordinasi perjalanan program.
2. Menyimpan rekod/minit mesyuarat zon.
3. Menolong menguruskan aktiviti-aktiviti promosi zon.
4. Menghebahkan maklumat terkini perjalanan program EKSA kepada ahli kumpulan.

Peranan Ahli Kumpulan

PERANAN
AHLI

1. Memberi komitmen secara berterusan
2. Menghadiri mesyuarat dan menyumbangkan idea bagi menjayakan pelaksanaan EKSA
3. Bekerjasama dalam kumpulan
4. Menyertai aktiviti EKSA secara aktif

Bahagian 2

Pelaksanaan EKSA

Bahagian ini menerangkan tentang panduan pelaksanaan berkaitan Ekosistem Kondusif Sektor Awam di Majlis Perbandaran Selayang.

Bahagian ini menerangkan tentang panduan pelaksanaan berkaitan Ekosistem Kondusif Sektor Awam di Majlis Perbandaran Selayang.

MEWUJUDKAN ZON EKSA

1. Tujuannya adalah untuk mewujudkan kawasan tanggungjawab kumpulan bagi memudahkan pelaksanaan dan pengawasan EKSA.
2. Pengerusi Jawatankuasa EKSA dengan kerjasama Penyelaras dan Fasilitator EKSA akan menentukan zon yang bersesuaian.
3. Pembahagian zon hendaklah dijelaskan melalui pewujudan pelan lokasi zon bagi memudahkan rujukan.
4. Sebelas (11) Zon EKSA telah dikenal pasti.
5. Faktor yang diambil kira dalam pembahagian zon adalah berdasarkan aras/tingkat atau mana-mana yang bersesuaian.

SENARAI ZON EKSA

BIL.	ZON EKSA	SAYAP A	SAYAP B
1.	NILAM	PEMBANGUNAN MASYARAKAT	
2.	DELIMA	KHIDMAT PENGURUSAN / PEJABAT YANG DIPERTUA	KORPORAT
3.	ZAMRUD	BANGUNAN	AUDIT DALAM / UKUR BAHAN
4.	OPAL	PERANCANG BANDAR	URUSETIA
5.	JED	KEJURUTERAAN	PERUNDANGAN
6.	BERLIAN	PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	
7.	FIRUS	PELESENAN	PUSAT SETEMPAT
8.	MUTIARA	PERBENDAHARAAN	TEKNOLOGI MAKLUMAT
9.	KRISTAL	PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN	
10.	TOPAZ	PENGUATKUASA DAN KESELAMATAN	PESURUHJAYA BANGUNAN
11.	AMETHYST	LANDSKAP	INTEGRITI

SENARAI ZON GUNASAMA EKSA

BIL	ZON	JABATAN/BAHAGIAN	KAWASAN TERLIBAT DAN KAWASAN GUNASAMA
1.	NILAM	• Pembangunan Masyarakat	• Jabatan Pembangunan Masyarakat • Studio Muzik (Stadium)
2.	DELIMA	• Korporat • Khidmat Pengurusan • Pejabat Yang Dipertua	• Jabatan Khidmat Pengurusan • Jabatan Korporat • Pejabat YDP • Stor Audio Visual • Roof Top • Taska MPS • Lobi Menara • Kawasan Persekitaran Majlis (Pembersihan)
3.	ZAMRUD	• Bangunan • Kontrak & Ukur Bahan • Audit Dalam	• Jabatan Bangunan • Jabatan Kontrak & Ukur Bahan • Jabatan Audit Dalam • Bilik Fail Jabatan Bangunan

BIL	ZON	JABATAN/BAHAGIAN	KAWASAN TERLIBAT DAN KAWASAN GUNASAMA
4.	OPAL	• Perancang Bandar • Urusetia	• Jabatan Perancang Bandar • Bahagian Urusetia • Bilik Melur • Bilik Anggerik • Bilik Siantan • Bilik Exora • Bilik Alamanda • Command Centre
5.	JED	• Kejuruteraan • Perundangan	• Jabatan Kejuruteraan • Jabatan Perundangan • Bengkel Rawang • Bahagian Elektrikal di Stadium MPS • Lif, Stor USB dan Ruang Parkir Kenderaan Ringan • Kabin Unit Jalan • Ruang Parkir Kenderaan Berat dan Jentera (Atas Bukit)
6.	BERLIAN	• Penilaian & Pengurusan Harta	• Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta • Stadium MPS • Kompleks Sukan Kolam Renang Sri Siantan
7.	FIRUS	• Pelesenan • Pusat Setempat	• Jabatan Pelesenan • Jabatan Pusat Setempat (OSC)
8.	MUTIARA	• Perbendaharaan • Teknologi Maklumat	• Jabatan Perbendaharaan • Jabatan Teknologi Maklumat • Kaunter Pandu Lalu • Lobi Kaunter Hasil • Pejabat Kutipan Cawangan ; i. Wangsa Permai ii. Rawang iii. Sri Gombak
9.	KRISTAL	• Pengurusan Sisa Pepejal & Kesihatan	• Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Kesihatan • Stor Bahan Kimia • Lobi Bangunan Lama • Kabin Kitar Semula • Tangga Kiri Bangunan Lama • Ruang Parkir Kenderaan Berat dan Jentera (Belakang Kantin) • Rumah Sampah MPS
10.	TOPAZ	• Penguatkuasa & Keselamatan • Pesuruhjaya Bangunan	• Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan • Bangunan Unit Khas • Stor Aset Penguatkuasa • Stor Barang Sitaan Penguatkuasa • Bilik Pengawal • Pondok Pengawal • Koridor • Tandas Tingkat 1 • Koridor dan Tandas Tingkat Bawah • Tangga Utama Bangunan Lama
11.	AMETHYST	• Landskap • Integriti	• Jabatan Landskap • Unit Integriti • Tangga Kanan Bangunan Lama • Tandas Tingkat 2 • Surau • Landskap Dalam Kawasan MPS • Pejabat Unit Nurseri • Stor Lagong

SUDUT EKSA

Sudut EKSA perlu disediakan secara Maya bagi setiap Zon EKSA. Sudut tersebut perlu mempunyai maklumat yang terkini berkaitan dengan EKSA. Tujuan Sudut EKSA disediakan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan EKSA. Sudut EKSA perlu mengandungi maklumat seperti berikut:

KEPERLUAN ZON EKSA

Membentuk Jawatankuasa Pelaksana Zon seperti dibawah:



Bahagian 3

Standard Amalan EKSA

MPS melaksanakan pelbagai ciri amalan baik dalam pelaksanaan EKSA mengikut ruang/persekitaran kerja jabatan. Berikut ialah contoh-contoh pelaksanaan EKSA yang boleh dipraktikkan di setiap ZON EKSA MPS.

KOMPONEN A FAIL INDUK	
Keperluan	**Senarai Semak/Arahan**
1. Logo EKSA 2. Tujuan EKSA dan Sejarah Peralihan EKSA 3. Objektif/Faedah Pelaksanaan EKSA 4. Dasar, Ikrar, Visi, Misi dan Slogan EKSA	• Logo yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Induk EKSA. • Hendaklah dipaparkan dalam dokumen.
5. Garis Panduan EKSA	• Garis Panduan yang terkini.
6. Fungsi dan Peranan JK Pelaksana	• Selaras dengan Fungsi dan Peranan yang telah ditetapkan di dalam Buku Panduan Pelaksanaan EKSA.
7. Sudut Maya	• Dasar EKSA • Carta Organisasi • Gambar Sebelum dan Selepas • Pelan Lantai • Carta Perbatuan Semasa • Informasi / Hebahan • Tarikh Kemaskini Sudut
8. Surat pelantikan i. Fasilitator ii. Penyelaras iii. Ketua JK Induk iv. Ketua Zon	• Surat pelantikan bagi Fasilitator, Penyelaras, Ketua Zon, Ketua JK Latihan, Ketua JK Promosi, Ketua JK Audit Dalam, Ketua JK Keselamatan Persekitaran dan Ketua Semua Zon.
9. Carta Organisasi : a. Jawatankuasa Pemandu EKSA b. JK Induk (Latihan, Promosi, Audit Dalam dan Keselamatan Persekitaran) c. Zon	• Mempunyai tarikh kemaskini.
10. Carta Perbatuan/ Pelan Tindakan: a. JK Induk Zon	• Mempunyai tarikh kemaskini. • Pelan perancangan dan pelaksanaan yang mengandungi aktiviti EKSA oleh JK Induk dan setiap Zon
11. Minit Mesyuarat / Catatan Perbincangan / Hebahan E-mel	• Mesyuarat/ Perbincangan/ Hebahan amalan EKSA yang telah dilaksanakan.
12. Lokasi Zon-Zon	• Lokasi zon-zon yang telah ditetapkan dan dinyatakan di dalam Buku Panduan EKSA.
13. Kriteria Audit	• Kriteria audit yang telah dikeluarkan oleh JPA.
14. Laporan Penemuan Audit Dalam	• Mengandungi jadual audit dan ringkasan keputusan audit dalam / audit mengejut setiap Zon. • Laporan Audit Dalam Bil.1 dan 2 yang terkini.
15. Laporan Aktiviti Bergambar	• Memilih beberapa gambar program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh JK Induk. • Mempunyai tarikh kemaskini.
16. Laporan Gambar Sebelum dan Selepas	• Laporan Penemuan di setiap Zon dalam keadaan sebelum dan selepas berserta tarikh. • Mempunyai tarikh kemaskini.
17. Pengiktirafan	• Lawatan Penandaarasan / Sijil Pengiktirafan.
18. Program Amalan Baik Bagi Peningkatan Produktiviti dan Kualiti (Best Practice)	• Laporan Penemuan Baharu daripada semua Zon.
19. Program Kreativiti dan Inovasi (KAIZEN, Inovasi, DIY, Kitar Semula) Zon.	• Laporan Penemuan Baharu Zon sekurang- kurangnya 1.
20. Analisis Penjimatan Kaedah “Activity Based Costing” (ABC) template yang diedarkan oleh induk	• Laporan Analisis daripada semua Zon yang terkini.

KOMPONEN A FAIL JK LATIHAN	
Keperluan	**Senarai Semak/Arahan**
1. Logo EKSA 2. Tujuan EKSA dan Sejarah Peralihan EKSA 3. Objektif/Faedah Pelaksanaan EKSA 4. Dasar, Ikrar, Visi, Misi dan Slogan EKSA	• Logo yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Induk EKSA. • Hendaklah dipaparkan dalam dokumen.
5. Garis Panduan EKSA	• Garis Panduan yang terkini.
6. Fungsi dan Peranan JK Pelaksana	• Selaras dengan Fungsi dan Peranan yang telah ditetapkan di dalam Buku Panduan EKSA.
7. Surat pelantikan JK Latihan	• Surat pelantikan bagi jawatankuasa latihan.
8. Carta Organisasi JK Latihan	• Mempunyai tarikh kemaskini.
9. Carta Perbatuan/ Pelan Tindakan JK Latihan	• Mempunyai tarikh kemaskini. • Pelan perancangan dan pelaksanaan yang mengandungi aktiviti EKSA oleh JK Latihan.
10. Minit Mesyuarat/ Catatan Perbincangan / Hebahan E-mel JK Latihan	• Mesyuarat/ perbincangan/ hebahan latihan EKSA yang telah dilaksanakan.
11. Kriteria Audit	• Kriteria audit yang telah dikeluarkan oleh JPA.
12. Laporan Penemuan Audit Dalam	• Mengandungi jadual audit dan ringkasan keputusan audit dalam / audit mengejut setiap Zon.
13. Laporan Aktiviti Bergambar JK Latihan	• Memilih beberapa gambar program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh JK Latihan.
14. Laporan Kajian Keberkesanan Program Latihan EKSA	• Laporan keberkesanan program yang telah dijalankan.

KOMPONEN A FAIL JK PROMOSI	
Keperluan	**Senarai Semak/Arahan**
1. Logo EKSA 2. Tujuan EKSA dan Sejarah Peralihan EKSA 3. Objektif/Faedah Pelaksanaan EKSA 4. Dasar, Ikrar, Visi, Misi dan Slogan EKSA	• Logo yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Induk EKSA. • Hendaklah dipaparkan dalam dokumen.
5. Garis Panduan EKSA	• Garis Panduan yang terkini.
6. Fungsi dan Peranan JK Pelaksana	• Selaras dengan Fungsi dan Peranan yang telah ditetapkan di dalam Buku Panduan EKSA.
7. Surat pelantikan JK Promosi	• Surat pelantikan bagi Jawatankuasa Promosi.
8. Carta Organisasi bergambar JK Promosi	• Mempunyai tarikh kemaskini.
9. Carta Perbatuan / Pelan Tindakan JK Promosi	• Pelan perancangan dan pelaksanaan yang mengandungi aktiviti EKSA oleh JK Promosi.
10. Minit Mesyuarat / Catatan Perbincangan / Hebahan E-mel JK Promosi	• Mesyuarat / perbincangan / hebahan amalan EKSA yang telah dilaksanakan.
11. Kriteria Audit	• Kriteria audit yang telah dikeluarkan oleh JPA.
12. Laporan Penemuan Audit Dalam	• Mengandungi jadual audit dan ringkasan keputusan audit dalam / audit mengejut setiap Zon.
13. Laporan Aktiviti JK Promosi Bergambar	• Memilih beberapa gambar program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh JK Induk.
14. Laporan Kajian Keberkesanan Program/ Aktiviti Promosi EKSA	• Laporan Keberkesanan program/ aktiviti/ hebahan yang telah dijalankan.

KOMPONEN A FAIL AUDIT	
Keperluan	**Senarai Semak/Arahan**
1. Logo EKSA 2. Tujuan EKSA dan Sejarah Peralihan EKSA 3. Objektif/Faedah Pelaksanaan EKSA 4. Dasar, Ikrar, Visi, Misi dan Slogan EKSA	• Logo yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemandu EKSA. • Hendaklah dipaparkan dalam dokumen.
5. Garis Panduan EKSA	• Garis Panduan yang terkini.
6. Fungsi dan Peranan JK Pelaksana	• Selaras dengan Fungsi dan Peranan yang telah ditetapkan di dalam Buku Panduan Pelaksanaan EKSA
7. Surat pelantikan JK Audit dan Juruaudit	• Surat pelantikan bagi Jawatankuasa Audit dan Juruaudit.
8. Carta Organisasi bergambar JK Audit	• Mempunyai tarikh kemaskini.
9. Carta Perbatuan/ Pelan Tindakan JK Audit	• Mempunyai tarikh kemaskini. • Pelan perancangan dan pelaksanaan yang mengandungi aktiviti EKSA oleh JK Audit.
10. Minit Mesyuarat/ Catatan Perbincangan / Hebahan E-mel JK Audit	• Mesyuarat / perbincangan / hebahan amalan EKSA yang telah dilaksanakan.
11. Kriteria Audit	• Kriteria audit yang telah dikeluarkan oleh JPA.
12. Laporan Penemuan Audit Dalam/ Laporan Aktiviti JK Audit Bergambar	• Laporan keberkesanan program/ aktiviti/ hebahan yang telah dijalankan dan memilih beberapa gambar program dan aktiviti yang telah dilaksanakan beserta kenyataan. • 2 laporan terkini dalam tahun semasa. • Analisis Perbandingan Markah Keseluruhan.

KOMPONEN A FAIL JK KESELAMATAN PERSEKITARAN	
Keperluan	**Senarai Semak/Arahan**
1. Logo EKSA 2. Tujuan EKSA dan Sejarah Peralihan EKSA 3. Objektif/Faedah Pelaksanaan EKSA 4. Dasar, Ikrar, Visi, Misi dan Slogan EKSA	• Logo yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemandu EKSA. • Hendaklah dipaparkan dalam dokumen
5. Garis Panduan EKSA	• Garis Panduan yang terkini
6. Fungsi dan Peranan JK Pelaksana	• Selaras dengan Fungsi dan Peranan yang telah ditetapkan di dalam Buku Panduan Pelaksanaan EKSA
7. Surat pelantikan JK Keselamatan dan Persekitaran	• Surat pelantikan bagi Jawatankuasa Keselamatan dan Persekitaran.
8. Carta Organisasi bergambar JK	• Mempunyai tarikh kemaskini.
9. Carta Perbatuan/ Pelan Tindakan JK Keselamatan dan Persekitaran	• Mempunyai tarikh kemaskini. • Pelan perancangan dan pelaksanaan yang mengandungi aktiviti EKSA oleh JK Keselamatan dan Persekitaran
10. Minit Mesyuarat/ Catatan Perbincangan / Hebahan E-mel JK Audit	• Mesyuarat / perbincangan/hebahan amalan EKSA yang telah dilaksanakan.
11. Kriteria Audit	• Kriteria audit yang telah dikeluarkan oleh JPA
12. Laporan Kajian Keberkesanan Program Keselamatan Persekitaran EKSA	• Laporan keberkesanan program yang telah dijalankan.

KOMPONEN A FAIL ZON	
Keperluan	**Senarai Semak/Arahan**
1. Logo EKSA 2. Tujuan EKSA dan Sejarah Peralihan EKSA 3. Objektif/Faedah Pelaksanaan EKSA 4. Dasar, Ikrar, Visi, Misi dan Slogan EKSA	• Logo yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemandu EKSA. • Hendaklah dipaparkan dalam dokumen
5. Garis Panduan EKSA	• Garis Panduan yang terkini
6. Fungsi dan Peranan JK Pelaksana	• Selaras dengan Fungsi dan Peranan yang telah ditetapkan di dalam Buku Panduan Pelaksanaan EKSA
7. Sudut Maya Induk dan Zon	• Sediakan Kod QR - versi digital sudut maya (google drive)
8. Surat pelantikan Ketua Zon	• Surat pelantikan bagi Ketua Zon
9. Carta Organisasi a. Jawatankuasa Pemandu EKSA Zon	• Mempunyai tarikh kemaskini.
10. Carta Perbatuan/ Pelan Tindakan JK Induk Zon	• Mempunyai tarikh kemaskini. • Pelan perancangan dan pelaksanaan yang mengandungi aktiviti EKSA oleh JK Induk dan Zon.
11. Minit Mesyuarat/ Catatan Perbincangan / Hebahan E-mel	• Mesyuarat/perbincangan/hebahan amalan EKSA yang telah dilaksanakan.
12. Lokasi Zon	• Lokasi zon-zon yang telah ditetapkan dan dinyatakan di dalam Buku Panduan Pelaksanaan EKSA
13. Laporan Penemuan Audit Dalam Zon (Zon yang berkaitan)	• Mengandungi jadual audit dan ringkasan keputusan laporan audit dalam/ mengejut setiap Zon
14. Laporan Aktiviti Bergambar Zon	• Gambar program dan aktiviti anjuran JK Induk yang telah disertai oleh Zon.
15. Laporan Gambar Sebelum dan Selepas Zon	• Gambar dari Zon, keadaan sebelum dan selepas berserta tarikh.
16. Program Amalan Baik Bagi Peningkatan Produktiviti dan Kualiti (*Best Practice*)	• Pembuktian pelaksanaan 2 sticker tahun semasa.
17. Program Kreativiti dan Inovasi (KAIZEN, Inovasi, DIY, Kitar Semula) Zon.	• Laporan Penemuan Baharu Zon sekurang- kurangnya 1
18. Analisis Penjimatan Zon	• Laporan Analisis Penjimatan Zon yang terkini.
19. Pengiktirafan Zon	• Lawatan Penandaarasan/Sijil Pengiktirafan

KOMPONEN A SUDUT EKSA	
Keperluan	**Senarai Semak/Arahan**
A. SUDUT MAYA (EKSA)	• Kaedah penyampaian sudut EKSA : i. Sediakan Kod QR - versi digital sudut maya (google drive); atau ii. Paparan di skrin TV Digital (Info TV) (jika ada); atau iii. Paparan melalui Power Point atau Video
B. MAKLUMAT SUDUT MAYA • Dasar EKSA • Carta Organisasi • Gambar Aktiviti Sebelum dan Selepas • Pelan Lantai • Carta Perbatuan Semasa • Informasi / Hebahan • Tarikh Kemaskini Sudut	• Sudut EKSA mengandungi semua perkara seperti dicadang serta dipaparkan secara kreatif dan inovatif • Maklumat dan bahan yang dipaparkan sentiasa dikemaskini

KOMPONEN A SUDUT EKSA	
Keperluan	**Senarai Semak/Arahan**
C. SUDUT ERT (Jawatankuasa Keselamatan)	• Berimej korporat dengan hiasan yang tidak keterlaluan atau berlebih-lebihan. • Tidak menggunakan tulisan yang *fancy* dan terlalu berwarna-warni. • Kaedah penyampaian adalah secara fizikal dengan menggunakan ruang pejabat (seperti dinding dan papan kenyataan). • Melantik Pegawai Bertanggungjawab (PIC) dan sertakan nama dan nombor telefon untuk dihubungi.

KOMPONEN B RUANG TEMPAT KERJA / PEJABAT	
Keperluan	**Senarai Semak/Arahan**
A. RUANG KERJA/PEJABAT 	• Sentiasa bersih • Susun atur yang kemas dan bersistematik • Tiada sampah-sarap dan debu, di sudut atau di bawah peralatan perabot dan elektronik. • Lampu dan soket elektrik bersih, berfungsi dan dalam keadaan baik • Lantai tidak berdebu, licin, berlubang/pecah serta karpet tidak koyak. • Siling tidak bersawang. • Dinding bersih dari kotoran, tidak berlubang/pecah/kertas dinding tidak koyak • Melantik Pegawai Bertanggungjawab (PIC) dan sertakan nama dan nombor telefon untuk dihubungi yang akan bertanggungjawab memantau ruang laluan dan kubikel/ bilik pegawai secara am. • Semua kakitangan mengikut arahan yang ditetapkan. • Pembuktian Aduan Kerosakan disediakan (memo, emel atau *whatsapp*).
1. Papan Tanda/ Tanda Arah	• Papan tanda Bahagian/ Seksyen/ Unit perlu seragam, jelas dan diletakkan bersesuaian dengan keluasan ruang pejabat. • Menggunakan papan tanda/ tanda arah dengan tulisan yang sesuai, jelas dan mudah dibaca.
2. Hiasan/ Pasu Bunga (jika ada)	• Perhiasan yang maksimum 3 perhiasan sahaja dan selaras dengan imej korporat, tidak berdebu dan dalam keadaan baik (jika ada). • Pasu bunga/ perhiasan perlu diselenggara secara berkala. • Perhiasan perayaan / sambutan dalam tempoh sebulan.
3. Pelan Lantai dan Pelan Lampu	• Memaparkan Pelan Lantai yang jelas difahami yang disediakan oleh Jawatankuasa Induk. • Mempunyai label 'Anda Di Sini' • Pelan Lantai dan Pelan Lampu hendaklah berwarna. • Mengemaskini pelan lampu ke atas pelan lantai yang disediakan Jawatankuasa Induk

KOMPONEN B RUANG TEMPAT KERJA / PEJABAT	
Keperluan	**Senarai Semak/Arahan**
4. Tanda arah laluan kecemasan 5. Pelan Laluan Kecemasan dan tempat berkumpul 	• Memastikan Pelan Tindakan Kecemasan mengikut kriteria yang disediakan oleh Jawatankuasa Induk. • Memastikan lampu 'keluar' berfungsi dan tiada halangan di pintu kecemasan. • Arah laluan kecemasan ditampal pada aras mata dan mudah dilihat.
6. Peti Kecemasan (jika ada)	• Senarai ubat dipamerkan beserta tarikh luput. • Ubat makan tidak disimpan bersama ubat sapu. • Melantik Pegawai Bertanggungjawab (PIC) dan sertakan nama dan nombor telefon untuk dihubungi

KOMPONEN B RUANG TEMPAT KERJA / PEJABAT	
Keperluan	**Senarai Semak/Arahan**
B. KUBIKEL / BILIK PEGAWAI/ BILIK TEMUDUGA/ BILIK PENGADIL / BILIK MEDIA/ BILIK VIP/ BILIK PERSALINAN/ BILIK PERALATAN SUKAN 1. Carta Pergerakan Pegawai (menggunakan format yang telah ditetapkan) 2. Senarai Aset Alih Kerajaan (KEW-PA 7) 3. Direktori nombor telefon pegawai dan kakitangan 4. Tong Sampah 5. Ruang/rak kasut kerja/ selipar 6. *Extension plug* 7. Kabinet/ rak (jika ada) 	• Wayar disusun dengan kemas • Memaparkan Senarai Aset Alih Kerajaan (KEW-PA 7) yang dikemaskini (sekiranya pertukaran pegawai / aset) • Kasut kerja/ selipar maksimum 3 pasang termasuk yang dipakai • Senarai fail/ dokumen dalam kabinet perlu dipamerkan di bahagian dalam kabinet. • Semua keperluan yang disenaraikan termasuk keperluan lain (jika ada) disusun dengan kemas dan teratur. • Memastikan meja kemas dan peralatan/ dokumen disusun dengan baik dan tidak meletakkan fail/ dokumen di bawah meja. • Perhiasan yang minimum dan selaras dengan imej korporat.
C. MEJA 1. Komputer/ Komputer Riba 2. Pencetak (jika ada) 3. Pengimbas (jika ada) 4. Telefon (jika ada) 5. Dulang keluar/ masuk (Tray in/ Out) (jika ada) 6. Kalendar tahun terkini (1 sahaja) (jika ada) 7. Maksimum 5 fail/ dokumen rujukan penting/ sedang dirujuk 	• Peralatan alat tulis • Peralatan lain : kalkulator, gam, gunting, penebuk lubang, pembaris dll (1 sahaja) - mengikut keperluan kerja. • Cap kegunaan sendiri dilabel/ dikod sekiranya lebih daripada 3 • Kalendar kuda tidak dibenarkan • Dokumen berkaitan kerja • Barangan peribadi (contoh : beg tangan, beg note book, botol air dan lain-lain) • Sekiranya besar, simpan dalam kotak A4 (dibalut). • Memastikan meja kemas dan peralatan/ dokumen disusun dengan baik. • Perhiasan selaras dengan imej korporat.

KOMPONEN B RUANG TEMPAT KERJA / PEJABAT	
Keperluan	**Senarai Semak/Arahan**
D. KERUSI	• Hanya 1 helai blazer/ jaket dibenarkan disangkut dibelakang kerusi (jika ada) • Bantal/ back support atas faktor kesihatan (egonomic) dan perlu selaras dengan imej korporat.
E. *MOBILE PEDASTEL* 	• Kuantiti *Mobile Pedastel* tidak melebihi tiga • (3) unit di ruang tempat kerja. • *Mobile Pedastel* 3 laci : – Laci 1 : Alat Tulis – Laci 2 : Dokumen Rasmi/ Cap – Laci 3 : Peribadi • *Mobile Pedastel* 2 laci : – Laci 1 : Alat Tulis – Laci 2 : Peribadi/ Dokumen • Menggunakan label seragam yang telah ditetapkan. • Pengecualian bagi perlabelan seperti di atas untuk kaunter bayaran. (*pertambahan) • Kabinet besi • Laci 1 hingga Laci 3: Dokumen Rasmi/ peralatan pejabat/ alat tulis • Laci 4 : Peribadi

KOMPONEN B SUDUT/ BILIK CETAK/ DOKUMENTASI	
Keperluan	**Senarai Semak/Arahan**
